

Profil Jenayah Banduan Wanita di Malaysia: Satu Kajian Kualitatif

Criminal Profile of Female Prisoners in Malaysia: A Qualitative Study

SITI NURKHAIRINA MOHD NOR, MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN &
WAN SHAHRAZAD WAN SULAIMAN

ABSTRAK

Walaupun perlakuan jenayah kebiasaannya sering menjadi simbol yang dikaitkan dengan golongan lelaki, namun golongan wanita juga tidak terkecuali dalam penglibatan mereka sebagai pelaku jenayah. Jenayah yang dilakukan oleh mereka tidak hanya terhad kepada jenayah kecil-kecilan, malah hari demi hari, jenayah yang dilakukan dilihat semakin serius, agresif dan ekstrem. Kajian ini bertujuan untuk meneroka profil jenayah banduan wanita di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual secara bersemuka, kajian ini dijalankan di dua buah penjara di Semenanjung Malaysia dalam kalangan 21 banduan wanita berwarganegara Malaysia yang melakukan pelbagai jenis jenayah. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk jenis kualitatif yang menggunakan pendekatan falsafah fenomenologi transendenital. Satu protokol temu bual yang mengandungi soalan semi struktur dibangunkan sebagai instrumen untuk mengumpul data kualitatif daripada peserta kajian. Data kualitatif ini dianalisis dengan menggunakan kaedah Interpretative Phenomenological Analysis (IPA). Hasil dapatan kajian menunjukkan banduan wanita terlibat dalam empat jenis jenayah dan merupakan jenayah kali pertama. Terdapat motif jenayah yang berbeza dan jenayah dilakukan di lokasi yang tertutup. Sesuatu objek sebagai senjata hanya digunakan di dalam jenayah kekerasan. Selain itu, jenayah yang dilakukan merupakan jenayah bukan perseorangan. Dapatan kajian ini dibincangkan dalam konteks jenayah, kriminologi dan juga psikologi tingkah laku. Diharapkan bahawa hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk pihak berkuasa dalam menyelesaikan jenayah-jenayah yang melibatkan wanita sebagai pelaku.

Kata kunci: Banduan wanita; jenayah; profil jenayah; tingkah laku jenayah; wanita

ABSTRACT

Although criminal act is often a symbol associated with men, women are also no exception in their involvement as criminal offenders. Crimes committed by them are not limited to small-scale crime, but day by day, the crime is seen as serious, aggressive and extreme. The present study aimed to explore the criminal profile of female prisoners in Malaysia. Using a qualitative method through face-to-face interviews, the study was done in two prisons in Peninsular Malaysia among 21 Malaysian female prisoners who committed various types of crime. The study has used a qualitative type of design that used a transcendental phenomenology philosophical approach. An interview protocol consisting semi-structured questions was developed as an instrument to collect qualitative data from research participants. These qualitative data were analysed using Interpretative Phenomenological Analysis (IPA). The results showed that female prisoners were involved in four types of crimes and it was their first criminal offense. There were different criminal motives and crime was committed in a closed location. An object as a weapon was only used in violent crimes. In addition, the crime committed was not done individually. The findings of this study are discussed in the context of crime, criminology and behavioural psychology. It is hoped that the results of this study can be used as a reference material for authorities in resolving crimes involving women as perpetrators.

Keywords: Female prisoners; females; crime; criminal profile; criminal behaviour

PENGENALAN

Jenayah bukan sahaja merupakan perlakuan dan perbuatan yang menyalahi undang-undang negara, malah ia merupakan perlakuan yang mengancam keselamatan awam, menimbulkan rasa ketakutan dalam kalangan masyarakat dan memberikan kesan negatif yang mendalam kepada mangsa dan pelaku jenayah serta orang di sekeliling mereka. Walaupun perlakuan jenayah kebiasaannya sering menjadi simbol yang dikaitkan dengan golongan lelaki, namun golongan wanita juga tidak terkecuali dalam penglibatan mereka sebagai pelaku jenayah. Jenayah yang dilakukan oleh mereka tidak hanya terhad kepada jenayah kecil-kecilan, malah hari demi hari, jenayah yang dilakukan dilihat semakin serius, agresif dan ekstrem. Tambahan lagi, modus operandi yang diguna pakai oleh mereka adalah lebih licik dan kompleks dan beberapa insiden jenayah di Malaysia mula membuktikan bahawa wanita mula bekerjasama dengan penjenayah lelaki dalam membentuk sindiket jenayah. Ini dapat dibuktikan dengan laporan di media-media massa yang menunjukkan golongan wanita terlibat dalam perlakuan jenayah seperti penjualan dan pengedaran dadah, pembuangan anak, pembunuhan dan penderaan serta jenayah-jenayah lain seperti jenayah siber dan komersial.

Pelbagai faktor telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perilaku jenayah oleh golongan wanita. Secara amnya, ia dapat dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor sosial atau persekitaran dan faktor psikologi. Dari segi sosial dan persekitaran, kajian sebelum ini telah menunjukkan bahawa kesempitan wang, tahap pendidikan yang rendah, masalah keluarga atau rumah tangga, sejarah pernah didera, didorong oleh bahan terlarang seperti dadah dan kurang pegangan agama merupakan antara faktor-faktor keterlibatan wanita sebagai pelaku jenayah (Austin, Bloom & Donahue 1992; Norasikin Basir, 2002).

Bagi faktor psikologi pula, faktor-faktor utama yang menyebabkan golongan wanita melakukan jenayah adalah masalah mental, keceluaran personaliti dan stres yang tinggi (Herrera & McCloskey 2003; Putkonen et al. 2003; Zimmer-Gembeck, Geiger & Crick 2005). Kebanyakan wanita yang melakukan jenayah dikaitkan dengan keceluaran personaliti (*personality disorders*) mereka. Keceluaran personaliti yang selalu dikatakan menyebabkan jenayah adalah personaliti antisosial (*antisocial personality*), pinggiran

(*borderline personality*) dan narsisistik (*narcissistic personality*) (Jordan et al. 1996; Warren et al. 2002).

Personaliti antisosial adalah personaliti di mana seseorang mempunyai pola jangka panjang dalam mengeksplorasi, memanipulasi atau mencabuli hak orang lain (Gavin 2014). Seseorang wanita dikatakan mempunyai sifat ganas yang tinggi jika mereka mempunyai personaliti antisosial yang tinggi (Warren et al. 2002). Mengikut Warren et al. (2002) juga, wanita yang mempunyai personaliti antisosial akan melakukan jenayah keganasan institusi (*institutionalized violence*). Sebagai contoh, keganasan dalam bentuk peperangan, '*terrorism*', perkauman dan sebagainya (Barak 2003). Penglibatan wanita yang mempunyai personaliti antisosial ini adalah berbeza pula dengan wanita yang mempunyai personaliti narsisistik. Personaliti narsisistik adalah personaliti di mana seseorang melihat diri sebagai seorang yang hebat, sama ada dalam fantasi atau tingkah laku, mempunyai keperluan untuk dikagumi dan kurang empati (American Psychiatric Association 2012). Bagi wanita yang mempunyai personaliti narsisistik, mereka biasanya terlibat dengan jenayah keganasan bukan institusi (*non-institutionalized violence*) yang mempunyai motif peribadi seperti membunuh atau mendera (Warren et al. 2002). Selain keceluaran personaliti seperti ini, wanita turut mempunyai personaliti negatif yang lain yang membawa kepada perlakuan jenayah mereka. Ini adalah seperti sifat kurang keyakinan diri, selalu bergantung kepada orang lain dan mempunyai perasaan malu. Akibat daripada personaliti negatif seperti ini, kebanyakan daripada mereka memilih kanak-kanak sebagai mangsa jenayah seperti jenayah penderaan kanak-kanak dan bukannya orang dewasa (Tsopelas, Spyridoula & Athanasios 2011).

Selain itu, tekanan atau lebih dikenali sebagai stres dikatakan sebagai salah satu faktor penyumbang kepada tingkah laku jenayah dalam kalangan wanita. Ini adalah kerana stres yang berpanjangan dapat menyebabkan kemurungan berat yang seterusnya membawa kepada perlakuan jenayah (Affizal Ahmad & Nurul Hazrina Mazlan 2014; Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad 2011). Stres dan kemurungan ini boleh menyebabkan sikap agresif yang akhirnya boleh membawa kepada perbuatan jenayah seperti mendera, menyerang dan membunuh kerana tahap agresif yang tinggi (Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad 2011). Kajian Muskens et al. (2011) juga mendapat kemurungan berat boleh menyebabkan perilaku jenayah seksual oleh

seseorang wanita. Selain itu, pengherotan kognitif berkemungkinan menjadi salah satu faktor psikologi yang menyumbang kepada jenayah-jenayah agresif oleh wanita. Kajian-kajian lepas telah mendapati pengherotan kognitif bertindak sebagai pemungkin kepada pelbagai tingkah laku agresif dalam kalangan lelaki (Mohammad Rahim Kamaluddin et al. 2015; Mohammad Rahim Kamaluddin et al. 2016). Ini tidak mustahil bahawa pengherotan kognitif juga menjadi pemungkin kepada tingkah laku agresif dalam kalangan wanita. Tambahan lagi, pengherotan kognitif dikaitkan sebagai salah satu faktor penyumbang dalam aktiviti pelacuran dalam kalangan wanita (Rohany Nasir et al. 2016).

Berdasarkan kajian-kajian kriminologi dan sosiologi yang lepas, motif jenayah lebih banyak membincangkan tentang motif penjenayah seksual wanita berbanding penjenayah wanita yang melakukan jenayah lain. Penjenayah wanita kebiasaannya tidak bersendirian ketika melakukan jenayah seksual seperti penderaan seksual, pencabulan kanak-kanak dan rogol. Mereka mempunyai motif yang bersifat sebagai perlindungan atau keterpaksaan yang didorong oleh perasaan takut kerana anak-anak mereka diancam oleh pasangan jenayah mereka (Muskens et al. 2011). Tambahan lagi, mereka mempunyai perasaan takut berpisah dengan pasangan jenayah yang juga merupakan pasangan hidup mereka (Muskens et al. 2011). Namun begitu, bagi penjenayah wanita yang terlibat dalam jenayah seksual secara berseorangan seperti jenayah pelacuran, mereka mempunyai motif yang lebih bersifat peribadi seperti wang untuk menambahkan pendapatan hidup mereka (Muskens et al. 2011). Selain motif wang, satu kajian tempatan oleh Rohany Nasir et al. (2010) telah mendapati pengherotan kognitif sebagai penyumbang kepada motif jenayah pelacuran. Pengherotan kognitif menyebabkan golongan pelacur ini merasionalkan perbuatan jenayah mereka sebagai sesuatu yang boleh diterima kerana tidak membahayakan orang lain (Rohany Nasir et al. 2010). Penjenayah wanita yang melakukan jenayah seksual terhadap orang lain juga menyatakan pengherotan kognitif sebagai motif jenayah mereka iaitu perasaan sayang kepada mangsa selain menyatakan pertahanan diri, kemurungan melampau dan kepuasan seksual sebagai motif jenayah (Grayston & De-Luca 1999; Matthews, Mathews & Speltz 1991; Steffensmeier & Allan 1996).

Matthews, Mathews dan Speltz (1991) telah mendapati penjenayah wanita bukan seksual

mempunyai motif seperti kebergantungan terhadap lelaki atau perasaan-perasaan negatif seperti perasaan sunyi, marah dan cemburu. Ini disokong dengan kajian oleh Matejkowski, Cullen dan Solomon pada tahun 2008 yang mendapati mereka yang disabitkan dengan kesalahan jenayah membunuh ini mempunyai motif perasaan marah terhadap pasangan atau ahli keluarga mereka. Saxena (1994) juga menyatakan motif wanita yang melakukan jenayah bunuh adalah pasangan mereka yang curang, penyalahgunaan dadah dan alkohol serta keganasan rumah tangga. Dari konteks modus operandi pula, kajian-kajian lepas dilihat jarang membincangkan mengenai penjenayah wanita melakukan jenayah secara individu, mempunyai pasangan jenayah atau secara berkumpulan. Jenayah yang dilakukan secara berkumpulan oleh seseorang wanita dilihat lebih signifikan dalam jenayah seksual kerana wanita jarang melakukan jenayah seksual secara sendirian melainkan mempunyai motif peribadi yang kuat untuk melakukannya (Muskens et al. 2011).

Daripada kajian-kajian lepas ini, dapat dilihat bahawa banyak kajian luar negara telah mendedahkan profil banduan wanita di luar negara. Akan tetapi, kajian tentang profil jenayah mereka dari segi motif jenayah bukan seksual dan modus operandi mereka masih lagi kurang terutamanya di Malaysia. Sehubungan dengan itu, dengan kekurangan kajian-kajian lepas, kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk meneroka profil jenayah banduan wanita di Malaysia. Ia adalah penting untuk mengetahui modus operandi banduan wanita bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang cara serta motif mereka melakukan jenayah. Pengetahuan ini akan dapat membantu pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia untuk mendapatkan gambaran profil jenayah banduan wanita agar dapat memudahkan penyiasatan jenayah yang melibatkan wanita sebagai pelaku.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN, PESERTA KAJIAN DAN LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk jenis kualitatif yang menggunakan pendekatan falsafah fenomenologi transendental di mana ia digunakan untuk memperoleh dan mengumpul data yang mengutarakan inti pati sesuatu pengalaman

(Creswell 2013). Penyelidik telah memilih fenomenologi transendental kerana ingin meneroka profil jenayah banduan wanita di Malaysia yang memerlukan penyelidik untuk mengumpulkan data tentang pengalaman mereka melakukan jenayah dan aspek-aspek lain yang mungkin mempengaruhi perilaku jenayah mereka.

Sampel kajian dipilih melalui persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan (*purposive sampling*) daripada populasi besar banduan wanita warganegara Malaysia di seluruh penjara di Malaysia yang telah disabitkan dengan sebarang jenis kesalahan jenayah di bawah Akta Kanun Keseksyenan Malaysia. Sumber populasi adalah banduan wanita warganegara Malaysia dari sebuah penjara di utara Semenanjung Malaysia dan sebuah penjara di selatan Semenanjung Malaysia. Penyelidik menggunakan persampelan bertujuan di mana banduan wanita yang menyertai kajian ini dipilih oleh pegawai penjara. Dalam konteks ini, pegawai penjara memilih banduan wanita yang sesuai untuk menjadi peserta kajian berdasarkan kriteria inklusi yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Persampelan bertujuan ini juga dianggap sesuai dengan reka bentuk kajian ini yang berbentuk kualitatif di mana matlamat kajian ini adalah bukan untuk membuat generalisasi kepada semua populasi banduan wanita malah mendapatkan input yang lebih mendalam tentang profil jenayah banduan wanita. Selain itu, teknik persampelan ini juga membantu para penyelidik untuk menapis banduan wanita yang agresif dan berisiko tinggi demi menjaga keselamatan penyelidik. Pemilihan teknik persampelan bertujuan seringkali diaplakisikan dalam kajian yang melibatkan banduan atau individu yang berisiko tinggi (Mohammad Rahim Kamaluddin et al. 2017). Untuk memastikan penyertaan banduan wanita yang dipilih sebagai peserta kajian adalah secara sukarela dan tiada tekanan daripada pihak penjara mahupun penyelidik, banduan wanita telah diberikan Borang Keizinan Peserta untuk mereka tandatangani bagi mendapatkan keizinan dan persetujuan mereka untuk menyertai kajian.

Saiz sampel kajian ini telah ditentukan berdasarkan tahap ketepuan data sepertimana yang dicadangkan oleh Teori Ketepuan (Saturation Theory) oleh Glaser & Strauss (1967). Dalam kajian ini, temu bual diberhentikan sehingga banduan wanita yang ke 21. Dalam erti kata lain, bilangan peserta yang terlibat dalam kajian adalah seramai 21 orang.

PROSES PENGUMPULAN DATA

Temu bual bersama banduan wanita warganegara Malaysia menggunakan soalan semi-struktur telah digunakan dalam proses pengumpulan data kajian. Satu protokol temu bual yang mengandungi soalan-soalan ini telah dibangunkan oleh penyelidik sebagai panduan dalam mengumpul data kualitatif daripada peserta kajian.

Pengumpulan data telah dijalankan di sebuah bilik khas di dua buah penjara utara dan selatan Semenanjung Malaysia. Format temu bual adalah secara bersemuka dan *one-to-one*. Sebelum sesi temu bual bermula, setiap peserta telah diberikan satu taklimat ringkas tentang tujuan kajian ini dijalankan. Para peserta juga diminta untuk mengajukan sebarang soalan atau kemusykilan sekiranya ada. Setiap peserta telah diberi satu Borang Maklumat Kajian yang memperihal tentang objektif, prosedur dan etika kajian. Apabila para peserta faham dan bersetuju, penyelidik mengedarkan Borang Keizinan Peserta untuk mendapatkan keizinan peserta. Para peserta juga dijanjikan bahawa sebarang maklumat yang diberikan semasa temu bual adalah sulit, rahsia dan tidak didedahkan untuk apa jua kepentingan peribadi. Peserta juga diberitahu bahawa maklumat peribadi seperti nama dan identiti lain dirahsiakan. Setelah mendapat keizinan peserta, sesi temu bual dimulakan. Penyelidik juga menggunakan teknik *probing* bagi mendapatkan data yang mendalam.

Perakam audio tidak digunakan sepanjang sesi temu bual ini dijalankan atas arahan Jabatan Penjara Malaysia disebabkan perakam audio merupakan artikel larangan yang tidak boleh dibawa masuk. Justeru, penyelidik telah hadir bersama dua orang pencatat yang bertindak mencatat keseluruhan temu bual pengkaji bersama peserta kajian. Penjelidik juga turut mengambil masa lebih kurang 30 minit setelah setiap temu bual selesai bagi mencatat dan membuat nota penting tentang kandungan temu bual yang baru dijalankan. Dengan ini, keseluruhan catatan dapat dikumpulkan bersama untuk proses transkripsi bagi menggantikan perakam audio. Setiap peserta kajian hanya melalui satu sesi temu bual sahaja dan setiap temu bual telah mengambil masa antara dua hingga tiga jam bagi setiap peserta kajian.

INSTRUMEN KAJIAN

Protokol temu bual telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengutip data daripada

banduan wanita. Protokol temu bual ini mengandungi soalan-soalan berbentuk semi-struktur untuk tujuan meneroka profil jenayah banduan wanita di Malaysia. Soalan semi-struktur ini menjadi garis panduan asas kepada temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian. Pembentukan soalan-soalan ini adalah berdasarkan tinjauan literatur dan hasil dapatan kajian-kajian lepas. Soalan-soalan ini juga dibentuk melalui perbincangan dengan para penyelia yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang kriminologi. Seorang pakar bidang dari bidang kriminologi juga dilantik untuk mengesahkan kandungan soalan berdasarkan objektif kajian. Panel pakar bidang juga bersetuju dan memberi maklum balas yang baik tentang kandungan dan kualiti soalan-soalan dalam temu bual. Protokol temu bual ini mengandungi soalan-soalan yang yang boleh mencungkil aspek-aspek kritikal tentang profil jenayah termasuk modus operandi jenayah, motif, cara perlakuan, penggunaan senjata dan banyak lagi.

ANALISIS DATA

Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan Interpretative Phenomenological Analysis (IPA). Analisis ini digunakan untuk meneroka secara mendalam bagaimana peserta kajian memberikan makna terhadap pengalaman yang telah dilalui (Ahmad Zainol et al. 2015), di mana di dalam kajian ini, pengalaman peserta kajian adalah penglibatan mereka dalam jenayah. Data kualitatif ini telah dianalisis secara manual. Ketika proses analisis data dijalankan, tema dan subtema tertentu telah dikodkan. Selain itu, sebarang subtema baru yang muncul juga dikenal pasti.

HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Peserta kajian ini terdiri daripada 21 banduan wanita warganegara Malaysia daripada dua buah penjara iaitu sebuah penjara di utara dan sebuah penjara di selatan Semenanjung Malaysia yang disabitkan atas pelbagai jenis kesalahan. Kesemua peserta kajian ini sedang menjalani hukuman mengikut tempoh tertentu dan bukan banduan akhir. Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza antara satu sama lain. Jadual 1 menunjukkan ringkasan latar belakang demografi bagi setiap peserta kajian.

PROFIL JENAYAH

Profil jenayah merupakan sebuah set data yang menerangkan latar belakang perbuatan jenayah dan ciri-ciri jenayah peserta kajian yang telah menyebabkan mereka dimasukkan ke dalam institusi penjara. Hasil dapatan kajian menunjukkan profil jenayah ini merangkumi beberapa tema iaitu jenis kesalahan jenayah, penglibatan kali pertama dalam jenayah, motif jenayah yang berbeza, lokasi tertutup, penggunaan objek dan jenayah bukan perseorangan.

PROFIL JENAYAH: JENIS KESALAHAN JENAYAH

Terdapat empat jenis kesalahan jenayah utama yang telah dilakukan oleh peserta kajian. Kesalahan jenayah yang paling tinggi adalah jenayah komersial iaitu jenayah yang melibatkan wang, diikuti dengan jenayah subahat, jenayah kekerasan dan jenayah narkotik yang melibatkan dadah. Bagi jenayah komersial, ia melibatkan jenayah curi yang dilakukan secara tersembunyi seperti perbuatan mencuri wang daripada pelanggan melalui medium atas talian. Jenayah curi ini juga dilakukan secara tersembunyi melalui bank. Sebagai contoh, peserta keempat kajian ada menyatakan tentang penggunaan bank dalam melakukan jenayah mereka.

“Seksyen 471, memalsukan dokumen. Tiru tandatangan cek. Saya akauntan di salah sebuah bank, kerja 2 tahun. Masa jadi akauntan di bank tu, saya tiru tandatangan ahli politik, 79 cek, berates-ratus ribu sepanjang tahun 2010 hingga 2012” (Peserta keempat).

Seterusnya, jenis kesalahan jenayah yang kedua tertinggi dilakukan oleh peserta kajian adalah jenayah subahat. Jenayah subahat adalah suatu bentuk jenayah di mana peserta kajian telah membantu pelaku utama jenayah dalam melakukan sesuatu jenayah sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung. Misalnya, seperti dinyatakan oleh peserta pertama kajian yang secara tidak langsung terlibat dalam perbuatan jenayah.

“Saya telefon kawan perempuan saya suruh dia datang ke rumah sebab suami saya suruh. Saya tak tahu dia nak dibunuh. Tak sampai 30 minit, suami bawa saya dan ikat dia masuk kereta sekali dengan anak di umur tiga tahun. Suami berhenti kereta di Shell, lepas tu bawa ke tempat lain, bawa saya keluar dan dia bakar kereta itu” (Peserta pertama).

Kebanyakan jenis jenayah subahat juga dilihat berunsurkan kekerasan seperti jenayah bersenjata, rogol dan penderaan. Hal ini dapat dibuktikan

JADUAL 1. Latar belakang demografi peserta kajian

	Umur	Status Perkahwinan	Bil. Anak	Tahap Pendidikan	Pekerjaan	Jenis Jenayah
1	28	Berkahwin	1	SPM	Pekerja kilang	Jenayah subahat (bunuh)
2	37	Bercerai	4	Tidak habis sekolah	Pekerja kilang	Jenayah kekerasan (bunuh)
3	27	Berkahwin	0	SPM	Peniaga tudung	Jenayah komersial (online)
4	38	Berkahwin	2	Sarjana Muda	Akauntan	Jenayah komersial (pemalsuan cek)
5	37	Bercerai	5	SPM	Pekerja spa	Jenayah komersial (kad ATM)
6	38	Berkahwin	0	Tidak habis sekolah	Peniaga produk MLM	Jenayah komersial (curi)
7	21	Bujang	-	SPM	Peniaga atas talian	Jenayah komersial (online)
8	34	Berkahwin	0	SPM	Pekerja pub	Jenayah komersial (online)
9	29	Berkahwin	2	SPM	Pekerja restoran	Jenayah jalan raya (memandu tanpa lesen)
10	42	Bercerai	6	SPM	Pekerja sekuriti	Jenayah komersial (rompak)
11	41	Berkahwin	7	Sarjana muda	Juruaudit	Jenayah komersial (ambil duit syarikat)
12	31	Berkahwin	7	SPM	Tidak bekerja	Jenayah kekerasan (dera)
13	38	Bujang	-	SPM	Pekerja kilang	Jenayah narkotik
14	29	Bercerai	2	SPM	Pekerja pusat membeli belah	Jenayah subahat (rogol)
15	35	Kematian suami	2	SPM	Pekerja restoran	Jenayah narkotik
16	32	Bercerai	3	Tidak habis sekolah	Pekerja pub	Jenayah subahat (samun)
17	37	Berkahwin	3	SPM	Pekerja kampung	Jenayah subahat (rogol)
18	34	Berkahwin	3	Tidak habis sekolah	Tidak bekerja	Jenayah kekerasan (dera)
19	34	Bujang	-	Tidak habis sekolah	Tidak bekerja	Jenayah kekerasan (bunuh)
20	51	Bercerai	1	Tidak habis sekolah	Tukang jahit	Jenayah narkotik
21	32	Bercerai	1	SPM	Pekerja pejabat	Jenayah subahat (dera)

dari pada hasil temu bual bersama peserta ke-14 kajian. "Kes 376. Subahat merogol adik angkat saya dengan suami" (Peserta ke-14).

Jenis jenayah ketiga tertinggi pula adalah kesalahan jenayah kekerasan. Disebabkan penyelidik

telah menetapkan tiada banduan akhir dalam kriteria peserta kajian ni, jenayah kekerasan yang dilakukan peserta kajian tidak menyebabkan kematian mangsa. Ini adalah seperti yang dinyatakan oleh peserta kedua kajian. Peserta ini menyatakan bahawa dia gagal

membunuh teman serumahnya dan telah disabitkan atas kesalahan cubaan membunuh. Namun begitu, jika adanya yang melibatkan kematian mangsa, jenayah kekerasan yang dilakukan oleh peserta kajian merupakan jenayah yang tidak mempunyai sebarang unsur niat. Contohnya di dalam hasil temu bual bersama peserta kajian ke-18. “*Saya kes dera anak saya telah sebabkan kematian. Membunu tanpa niat*” (Peserta ke-18).

Jenis jenayah terakhir dan yang paling kurang dilakukan oleh peserta kajian adalah jenayah narkotik Daripada kesemua 21 peserta kajian yang ditemu bual, hanya tiga informan telah disabitkan atas kesalahan jenayah narkotik. Peserta yang terlibat dalam kesalahan ini adalah peserta ke-13, peserta ke-15 dan peserta ke-20 yang dijatuhan hukuman atas kesalahan memiliki dan mengedar dadah. Walau bagaimanapun, hukuman bagi peserta ke-20 ini telah dikurangkan setelah unsur penganiayaan berjaya dibuktikan di mahkamah.

“Kes dadah. Saya dianiaya. Dulu saya kena hukum gantung, sekarang mahkamah dah turunkan jadi hukuman 15 tahun lepas tahu saya dianiaya memiliki dadah. Dadah tu bukan saya punya tapi teman lelaki saya punya” (Peserta ke-20).

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, empat jenis jenayah utama telah ditemui dilakukan oleh peserta kajian. Dua daripada jenis jenayah utama yang dilakukan oleh peserta kajian adalah jenayah komersial dan jenayah narkotik. Hasil ini adalah konsisten dengan hasil dapatan kajian sebelum ini yang mendapati golongan wanita kebiasaannya terlibat dalam jenis jenayah seperti jenayah seksual, narkotik dan jenayah yang melibatkan wang (Norasikin Basir 2002; Schwartz & Steffensmeier 2008). Walau bagaimanapun, tiada seorang daripada peserta kajian ini yang dimasukkan ke institusi penjara atas kesalahan jenayah seksual secara solo seperti jenayah pelacuran yang dikatakan sebagai jenayah seksual paling utama dilakukan oleh wanita (Schwartz & Steffensmeier 2008). Ini dapat dijelaskan dengan sistem di Malaysia di mana pelacur tempatan yang ditangkap akan dibawa ke rumah perlindungan. Selain itu, ketiadaan peserta kajian yang terlibat dalam jenayah seksual ini juga boleh dijelaskan dengan perbezaan budaya Malaysia jika dibandingkan dengan budaya luar negara yang sememangnya lebih terbuka mengenai hubungan seksual.

Jenayah narkotik atau jenayah dadah juga dilihat sebagai jenayah utama yang dilakukan oleh peserta kajian. Ini adalah selari dengan laporan Jabatan

Penjara Malaysia (2016) dan juga kajian di luar negara (Schwartz & Steffensmeier 2008). Mengikut statistik tempatan, jenayah narkotik atau jenayah dadah merupakan jenayah utama yang direkodkan dalam kalangan banduan wanita di Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia 2016).

Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga mendapati jenayah kekerasan sebagai salah satu jenis kesalahan jenayah yang dilakukan oleh peserta kajian. Walaupun Schwartz dan Steffensmeier (2008) menyatakan jenayah kekerasan jarang dilakukan oleh golongan wanita, namun hasil dapatan kajian ini adalah konsisten dengan peningkatan laporan di media massa tentang jenayah kekerasan oleh wanita seperti jenayah pembunuhan dan penderaan (Badrul Kamal Zakaria 2017; Nurul Hidayah Bahaudin 2017). Ini menggambarkan jenayah kekerasan sebagai jenayah pada masa kini dan memerlukan banyak kajian baru untuk mengkaji tentang jenayah ini.

Seterusnya, jenayah subahat didapati sebagai jenis jenayah yang banyak dilakukan dalam kalangan peserta kajian. Bagi jenayah subahat yang melibatkan jenayah seksual seperti rogol, hasil dapatan ini adalah konsisten dengan kajian oleh Muskens et al. (2011) di mana wanita yang terlibat dengan jenayah ini bersama dengan orang lain adalah kerana perasaan takut kepada pasangan jenayah mereka yang merupakan seorang lelaki. Walaupun kajian-kajian lepas dilihat jarang membincangkan mengenai penjenayah wanita melakukan jenayah secara subahat terutamanya dalam jenayah bukan seksual, kajian ini telah mendapati bahawa jenayah subahat juga dilakukan dalam jenayah berunsurkan kekerasan seperti jenayah bunuh.

PROFIL JENAYAH: PENGLIBATAN KALI PERTAMA DALAM JENAYAH

Peserta kajian telah menyatakan bahawa kesalahan jenayah mereka merupakan kesalahan jenayah kali pertama yang pernah mereka lakukan. Mereka didapati tidak pernah terlibat dalam sebarang kesalahan jenayah sebelum ini. Ini dapat dilihat di dalam pernyataan oleh peserta ke-10. “*Tak pernah buat salah. Ni first time. Saya pun tak pernah ditangkap atas kesalahan apa-apa*” (Peserta ke-10). Peserta kajian juga tidak pernah membuat perancangan dan tidak menyangka bahawa mereka boleh terlibat dalam sebarang kesalahan jenayah. Namun akhirnya, mereka tetap terlibat melakukan jenayah atas faktor dan motif yang akan dibincangkan dalam sub tema seterusnya. Bagi

peserta kajian, mereka berharap ianya bukan sahaja merupakan kali pertama, tetapi juga kali terakhir untuk mereka terlibat dalam jenayah.

“Saya tak sangka boleh jadi macam ni. Selalu tengok kat tv atau lalu penjara, saya cakap dalam hati, saya tak nak dan tak akan masuk tempat macam ni. Saya pergi balai polis tak pernah, penjara lagi tak pernah. Tapi dah jadi macam ni.. Ini first time saya dan InsyaAllah last time” (Peserta ketiga).

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, tiada residivisme atau pengulangan jenayah yang dilihat dalam kalangan peserta kajian kerana mereka melakukan jenayah buat pertama kali kecuali bagi mereka yang disabitkan atas kesalahan jenayah dadah. Hasil dapatan kajian ini adalah berbeza dengan laporan oleh Greenfeld & Snell (1999) yang menyatakan bahawa sebanyak 65% daripada banduan wanita yang berada di dalam institusi penjara di Amerika pernah melakukan jenayah sebelum ini.

PROFIL JENAYAH: MOTIF JENAYAH YANG BERBEZA

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan dengan peserta kajian, motif perlakuan jenayah dilihat berbeza bagi setiap jenis jenayah yang berbeza. Bagi jenayah yang paling banyak dilakukan iaitu jenayah komersial, jenayah ini dilihat mempunyai motif keluarga. Wang yang dicuri oleh peserta kajian adalah untuk keluarga mereka. Hal ini dapat dibuktikan dalam pernyataan oleh peserta keempat kajian.

“Saya kena tanggung family. Dulu gaji saya tak cukup, RM 4 ribu. Saya nak tengok adik-adik senang. Family belah mertua pun ada mintak saya duit. Duit tu saya guna buat bisnes mata wang currency untuk elak susut nilai, elak kerugian. Saya tak suka beli barang branded. Duit hanya untuk family” (Peserta keempat).

Di samping itu, wang yang dicuri juga adalah untuk keperluan asas diri dan keluarga seperti bayaran tempat tinggal.

“Saya orang susah, saya kerja dekat pub, suami saya kerja di satu kedai sebagai cashier. Saya perlukan bantuan kawan untuk bayar sewa rumah. Saya terdesak kena bayar sewa rumah jadi saya percaya kat kawan saya sebab dia memang bagi saya duit. Saya buka akaun bank nama saya untuk bisnes online dia tipu orang” (Peserta kelapan).

Motif bagi jenayah subahat pula melibatkan perasaan takut yang hadir dalam diri. Jenayah subahat peserta kajian telah dilakukan bersama-

sama suami mereka yang merupakan pelaku utama kesalahan jenayah. Semuanya adalah berdasarkan motif yang sama iaitu perasaan takut kepada suami dan persamaan motif ini dapat dilihat dalam hasil temu bual peserta ke-14.

“Saya dah cuba halang tapi saya kena pukul. Suami tolak anak saya kat sofa. Saya cuba nak halang dia lagi dari rogol perempuan tu tapi saya takut” (Peserta ke-14).

Tambahan lagi, untuk jenayah jenis kekerasan, motif utamanya adalah emosi negatif yang kuat seperti perasaan marah yang tinggi atau mengalami tekanan yang berat. Kedua-dua peserta kedua dan peserta ke-19 menyatakan perasaan marah sebagai motif kepada perlakuan jenayah mereka. Perasaan marah ini adalah berpunca daripada perbuatan mangsa yang tidak disukai oleh peserta kajian sehingga mereka dikawal oleh emosi yang akhirnya membawa kepada perlakuan jenayah. *“Dia selalu ambil barang saya, tak minta izin. Barang-barang berharga. Saya tegur dia baik-baik tapi dia tak mengaku. Saya hilang sabar dan marah sangat, cuba bunuh dengan parang dekat leher”* (Peserta kedua). Bagi dua peserta yang lain iaitu peserta ke-12 dan peserta ke-18 yang melakukan jenayah penderaan, perasaan tertekan adalah motif utama untuk mereka melakukan jenayah kekerasan.

“Tapi bila saya keluarkan anak saya dari tandas, dia sudah kencing merata-rata. Saya sangat penat, sangat stres. Saya ambil rotan, pukul tangan dan kaki dia. Pukul dia banyak kali pun dia tak menangis. Sebab anak special tak rasa sakit. Bila dia tak nangis, saya rasa lagi geram, pukul dia banyak kali sampai saya pun rasa penat. Sangat tertekan” (Peserta ke-18).

Melihat kepada hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian ini, dua emosi negatif membawa kepada dua jenayah ganas yang berbeza. Peserta kajian lebih cenderung untuk melakukan jenayah pembunuhan apabila mempunyai emosi marah manakala emosi tertekan lebih cenderung untuk membawa kepada jenayah penderaan.

Pengaruh kawan menjadi motif kepada jenayah narkotik iaitu jenayah dadah. Perasaan ingin mencuba timbul apabila mereka melihat keseronokan kawan-kawan mereka menghisap dadah. Daripada percubaan pertama, ia menjadi susah untuk dilepaskan sehingga hukuman dijatuhkan ke atas mereka. *“Saya nak mencuba sebab saya tengok kawan saya hisap. Kita susah nak lupa. Gian dah hilang. Tapi kawan saya yang mendorong saya”* (Peserta ke-13).

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, motif perlakuan jenayah dilihat adalah berbeza bagi setiap jenis jenayah yang berbeza. Ini adalah konsisten dengan kajian-kajian lepas ke atas wanita yang melakukan jenayah yang mendapati setiap jenayah yang dilakukan mempunyai motif yang berbeza (Grayston & De-Luca 1999; Matthews, Mathews & Speltz 1991; Muskens et al. 2011; Rohany Nasir et al. 2010; Saxena 1994; Steffensmeier & Allan 1996). Melihat kepada jenayah tertinggi iaitu jenayah komersial, motif kepada jenayah ini adalah keperluan wang untuk menyara keluarga dan keperluan asas diri. Disebabkan kesempitan wang, peserta kajian berasa terdesak sehingga terpaksa melakukan jenayah mencuri bagi menyara diri dan keluarga. Hasil dapatan ini adalah konsisten seperti yang dinyatakan oleh Schwartz dan Steffensmeier (2008) bahawa kesempitan wang merupakan satu faktor kepada perlakuan jenayah seperti mencuri oleh golongan wanita demi mendapatkan wang untuk menyara hidup mereka. Hasil dapatan ini turut konsisten dengan cara hidup dan budaya rakyat Malaysia iaitu '*collective culture*' yang mengamalkan budaya hidup bermasyarakat dan saling bergantung antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, peserta kajian melakukan jenayah ini dengan motif untuk menampung keperluan ahli keluarga kerana mereka saling bergantung antara satu sama lain.

Motif bagi jenayah subahat pula melibatkan perasaan takut yang hadir dalam diri. Kebanyakan jenayah subahat peserta kajian dilakukan bersama-sama pasangan mereka yang merupakan seorang lelaki. Sebagai wanita, peserta kajian berasa takut dengan keupayaan lelaki yang boleh bertindak ganas dengan memukul mereka dan anak mereka. Justeru, mereka terpaksa melibatkan diri atau merelakan perbuatan jenayah oleh pasangan. Hasil dapatan ini disokong dengan kajian lepas yang menyatakan perasaan takut terutamanya ketakutan jika anak-anak dicederakan sebagai motif kepada jenayah yang dilakukan secara berpasangan atau berkumpulan (Muskens et al. 2011). Namun pada masa yang sama, kajian ini tidak menghasilkan perasaan takut berpisah dengan pasangan dan perasaan sayang kepada pasangan sebagai motif jenayah seperti yang dinyatakan oleh Muskens et al. (2011). Ini adalah kerana kebanyakannya peserta kajian ini mempunyai pengalaman pahit bersama pasangan dan pernah didera oleh pasangan mereka, oleh itu perasaan sayang pasti sudah terhakis. Kebanyakan daripada mereka juga mempunyai

pekerjaan dan mampu menyara hidup sendiri, mereka tidak begitu memerlukan pasangan sebagai tempat bergantung.

Tambahan lagi, bagi jenayah kekerasan, kajian ini mendapati motif utamanya adalah dua emosi negatif yang kuat seperti perasaan marah dan tertekan. Melihat kepada hasil dapatan kajian ini, peserta kajian lebih cenderung untuk melakukan jenayah pembunuhan apabila mempunyai emosi marah dan ini dapat disokong dengan kajian lepas seperti kajian oleh Matejkowski, Cullen & Solomon (2008) yang mendapati mereka yang disabitkan dengan kesalahan jenayah membunuh mempunyai motif perasaan marah terhadap mangsa. Apabila mempunyai emosi tertekan pula, jenayah penderaan lebih cenderung dilakukan. Ini adalah kerana tekanan menyebabkan seseorang individu mempunyai sikap agresif tinggi yang dapat membawa kepada perbuatan jenayah kekerasan seperti mendera (Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad 2011).

Pengaruh kawan didapati sebagai motif kepada jenayah dadah oleh peserta kajian. Apabila mereka berada di dalam persekitaran di mana mereka menyaksikan kawan-kawan berasa seronok dengan menghisap dadah, mereka terpengaruh untuk mencuba dadah. Ini adalah lumrah manusia yang suka mencuba sesuatu yang dapat mendatangkan keseronokan kepada mereka. Akan tetapi, ia membawa padah kerana daripada percubaan pertama, dadah dapat menyebabkan ketagihan dan sukar untuk dilepaskan. Hasil dapatan ini dapat disokong oleh Schwartz & Steffensmeier (2008) yang menyatakan kebiasaan seseorang wanita mula terpengaruh dan mengenali dadah melalui rakan-rakan mereka. Apabila mereka sudah terpengaruh, mereka mula menjadi ketagih kepada dadah dan terus mengambilnya serta turut mencuba dadah yang baru.

PROFIL JENAYAH: LOKASI TERTUTUP

Peserta kajian telah memilih lokasi tertutup dalam melakukan jenayah mereka. Lokasi yang paling banyak menjadi pilihan adalah di rumah. Seorang daripada peserta kajian iaitu peserta ke-15 memberitahu tidak pernah melakukan kesalahan menghisap dadah di rumahnya sendiri kerana keluarga berada di rumah dan sebaliknya melakukan kesalahan ini di rumah rakan penagih dadah. Ini menunjukkan bahawa lokasi tertutup menjadi pilihan kerana tidak dilihat oleh orang lain.

Kesalahan jenayah turut dilakukan di lokasi awam namun tertutup dari pandangan masyarakat seperti dinyatakan oleh peserta pertama yang telah melakukan kesalahan jenayah di ladang kelapa sawit yang sunyi. Begitu juga dengan bilik hotel. Walaupun hotel merupakan lokasi awam, namun di dalam bilik hotel, ianya tidak dapat dilihat oleh orang lain. Peserta ke-19 menyatakan bahawa di dalam bilik hotel adalah lebih selamat. “*Sebab saya dah tumbuk dia sampai jatuh, saya tak berani nak keluar bilik hotel, kat dalam ni lagi rasa selamat. Jadi girlfriend saya dan saya bunuh dia di dalam bilik hotel ni*” (Peserta ke-19).

Selain lokasi seperti rumah dan bilik hotel, jenayah juga dilakukan oleh peserta kajian di lokasi virtual seperti di alam maya iaitu secara atas talian. Walaupun di alam maya, lokasi virtual ini adalah lokasi tertutup kerana identiti peserta kajian adalah lebih tersembunyi daripada masyarakat. Sebanyak tiga orang peserta kajian telah menggunakan medium ini seperti yang dilakukan oleh peserta ketiga.

“Saya jual online melalui page Facebook yang saya buat untuk jual barang baby. Saya tak ada letak nama saya dan gambar saya pun, saya tak tahu macam mana orang boleh dapat maklumat tentang saya dan buat report” (Peserta ketiga).

Lokasi tertutup telah menjadi lokasi pilihan oleh peserta kajian untuk mereka melakukan jenayah. Lokasi tertutup ini bermaksud ia tersembunyi dan tidak dapat dilihat oleh orang lain. Antaranya adalah di dalam rumah, ladang kelapa sawit yang sunyi, bilik hotel serta lokasi virtual seperti di alam maya di mana identiti sebenar peserta kajian dapat disembunyikan. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan laporan oleh Greenfeld & Snell (1999) yang menyatakan hampir separuh daripada penjenayah wanita di Amerika melakukan jenayah, terutamanya jenayah kekerasan di rumah mangsa.

Peserta kajian memilih lokasi tertutup adalah kemungkinan kerana faktor jantina mereka sendiri di mana mereka adalah golongan wanita. Golongan wanita jarang dianggap sebagai simbol penjenayah kerana ia lebih sinonim dengan golongan lelaki. Sebaliknya, wanita dianggap sebagai simbol keibuan yang mempunyai hati yang lembut dan penyayang. Justeru, peserta kajian memilih lokasi tertutup bagi mengelakkan reaksi negatif yang tinggi daripada keluarga dan masyarakat. Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa peserta kajian melakukan jenayah buat kali yang

pertama. Disebabkan tidak mempunyai pengalaman dalam melakukan jenayah, peserta kajian lebih memilih lokasi yang tertutup. Tambahan lagi, lokasi tertutup juga dapat mengurangkan risiko perbuatan jenayah mereka dikesan oleh orang lain terutamanya pihak berkuasa.

PROFIL JENAYAH: PENGGUNAAN OBJEK

Penggunaan objek dalam kesalahan jenayah hanya wujud dalam jenayah yang mempunyai unsur kekerasan seperti jenayah bunuh, dera dan samun bersenjata. Objek yang digunakan adalah seperti rotan, wayar telefon, paip getah, pisau pemotong ayam dan parang. Objek-objek ini telah digunakan sebagai senjata untuk menyerang mangsa jenayah. “*Saya pukul dia dalam rumah, pukul guna batang paip getah dekat bahagian belakang*” (Peserta ke-12). Hasil dapatan kajian ini dapat disokong dengan kajian oleh Moth & Hudson (1999) yang mendapati satu pertiga daripada jenayah yang dilakukan wanita telah menggunakan objek sebagai senjata. Ia juga disokong oleh Greenfeld & Snell (1999) dan laporan jenayah bunuh oleh FBI (2012) yang menyatakan golongan wanita lebih cenderung untuk menggunakan pelbagai objek sebagai senjata dalam jenayah kerana mereka kurang menggunakan senjata api berbanding dengan golongan lelaki.

Melihat kepada kepelbagaiannya objek yang digunakan dalam jenayah oleh peserta kajian, timbul persoalan mengapa dan bagaimana objek telah dipilih sebagai senjata jenayah. Kesemua peserta kajian yang telah menggunakan objek di dalam jenayah mereka menyatakan bahawa pemilihan ini adalah secara spontan berdasarkan ketersediaan objek tersebut di mana ia berada di depan mata, berdekatan dan mudah dicapai.

“Dalam bilik hotel ada wayar telefon. Jadi girlfriend saya, dia tarik wayar telefon hotel, dia jerut leher lelaki tu. Saya tolong dia. Sebenarnya saya tak fikir pun dia akan mati. Girlfriend saya yang ambil wayar tu. Mungkin sebab tu yang berdekatan” (Peserta ke-19).

PROFIL JENAYAH: JENAYAH BUKAN PERSEORANGAN

Tanpa mengira jenis kesalahan jenayah yang dilakukan, hasil temu bual menunjukkan bahawa peserta kajian telah melakukan jenayah secara berpasangan atau berkumpulan dan bukan secara perseorangan atau individu. Bagi jenayah subahat

di mana peserta kajian telah dituduh dan didakwa atas kesalahan membantu pelaku utama jenayah, rata-rata pelaku utama tersebut adalah pasangan kepada peserta kajian. Hal ini dapat dibuktikan daripada hasil temu bual dengan lima peserta kajian ini seperti peserta ke-17. “*Masa saya buat laporan, suami bagitau yang saya ada kat rumah masa kejadian tu berlaku. Suami saya kena tangkap, saya pun kena tuduh subahat sebab saya ada masa kejadian*” (Peserta ke-17). Bagi jenayah selain jenayah subahat, hanya peserta ke-19 menyatakan bahawa jenayah dilakukan dengan pasangan. Manakala peserta kajian yang lain menyatakan bahawa jenayah telah dilakukan bersama-sama dengan rakan-rakan, teman kerja dan orang atasan.

Hasil dapatan kajian ini dapat disokong oleh Schwartz & Steffensmeier (2008) yang menyatakan bahawa jenayah yang dilakukan oleh wanita banyak dikaitkan dengan jenayah yang dilakukan secara berpasangan atau berkumpulan. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, jenayah yang dilakukan bersama pasangan mereka iaitu teman lelaki atau suami adalah jenis jenayah subahat di mana peserta kajian telah dituduh dan didakwa atas kesalahan membantu pasangan mereka. Mereka telah membantu pasangan mereka ini atas motif keterpaksaan kerana perasaan takut kepada pasangan mereka seperti yang dinyatakan oleh peserta ke-17. “*Saya dah cuba halang suami, tapi dia tampar saya. Lepas tu saya relakan perbuatan dia ke atas anak jiran saya dan diam je, sebab saya takut kena pukul*” (Peserta ke-17). Ini adalah selari dengan Muskens et al. (2011) yang menyatakan bahawa golongan wanita biasanya terpaksa melakukan jenayah bersama pasangan kerana perasaan takut kepada pasangan mereka terutamanya jika keselamatan dan nyawa anak-anak mereka boleh terancam.

Bagi jenayah yang dilakukan bersama orang lain pula seperti rakan-rakan mereka, ia adalah sama ada mereka terpengaruh dengan rakan-rakan mereka, tidak berani atau tidak rela untuk melakukannya secara sendirian. Ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Anglin & Hser di dalam Schwartz & Steffensmeier (2008) bahawa golongan wanita tetap mempunyai sifat semula jadi mereka yang lembut dan tidak menyukai jenayah atau kekerasan. Maka untuk membawa mereka melakukan jenayah, mereka perlu didorong oleh sesuatu yang kuat seperti dadah dan sebagainya. Di dalam konteks ini, dorongan itu adalah dengan melakukannya bersama orang lain kerana mereka tidak akan melakukannya jika mereka bersendirian.

LIMITASI DAN CADANGAN BAGI KAJIAN AKAN DATANG

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Limitasi ini adalah limitasi kaedah persampelan dan reka bentuk kajian. Berdasarkan limitasi kajian ini, beberapa cadangan bagi kajian akan datang juga dikemukakan. Ini adalah bagi memantapkan lagi kajian dan menghasilkan kajian yang lebih baik di masa akan datang, seterusnya dapat menambah pengetahuan serta menyumbang kepada pihak yang berkaitan terutamanya tentang golongan wanita yang melakukan jenayah.

Hasil dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh golongan wanita yang melakukan jenayah. Peserta kajian ini hanya dapat dipilih oleh pegawai penjara mengikut kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik tidak mempunyai pilihan selain menggunakan kaedah seperti ini disebabkan akses yang terhad atas faktor keselamatan dan untuk mengelakkan risiko-risiko yang tidak diingini. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian ini tidak mungkin dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi golongan wanita yang melakukan jenayah di Semenanjung Malaysia. Dalam erti kata lain, hasil dapatan kajian ini mungkin tidak mencerminkan populasi sasaran dan hanya terhad kepada sampel kajian ini.

Seterusnya, limitasi kajian ini adalah reka bentuk kajian yang telah digunakan. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif di mana hasil dapatan kajian adalah berbentuk subjektif dan dikumpul melalui temu bual bersama peserta kajian. Walaupun reka bentuk kualitatif dapat memberikan data dan pengetahuan yang lebih mendalam tentang subjek yang dikaji, namun begitu ia tidak mencukupi untuk menghasilkan profil yang lengkap dan menyeluruh tentang golongan wanita yang melakukan jenayah. Sebaliknya, gabungan reka bentuk kuantitatif dan reka bentuk kualitatif adalah lebih baik dalam kajian yang berbentuk untuk mengkaji profil sesebuah kumpulan seperti kajian ini. Akan tetapi, gabungan kedua-dua reka bentuk ini tidak dapat dilaksanakan kerana saiz sampel yang terhad. Pihak penjara tidak dapat menyediakan jumlah banduan wanita yang besar kerana banduan terikat dengan aktiviti lain di penjara. Justeru, reka bentuk kualitatif telah dipilih yang lebih bersesuaian bagi saiz sampel yang kecil dan menepati objektif kajian ini.

Cadangan yang pertama bagi kajian akan datang adalah menggunakan saiz sampel yang lebih

besar agar profil golongan wanita yang melakukan jenayah didapati lebih lengkap dan menyeluruh berbanding hasil dapatan kajian ini. Dengan adanya saiz sampel yang lebih besar, reka bentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif juga akan dapat digunakan bagi mengkaji profil golongan ini. Penyelidik yang akan menjalankan kajian ini pada akhirnya mungkin perlu memohon kebenaran daripada pihak penjara dan berbincang tentang saiz sampel dengan lebih awal daripada yang telah dilakukan oleh penyelidik kajian ini. Hal ini dilakukan supaya pihak penjara dapat menyediakan banduan wanita pada tarikh kajian sebelum banduan terikat dengan pelbagai aktiviti yang lain.

Cadangan yang kedua pula bagi kajian akan datang adalah membuat persoalan kajian yang lebih spesifik daripada kajian ini. Di dalam kajian ini, persoalan kajian adalah lebih luas kerana penyelidik mengkaji tentang profil banduan wanita yang terlibat dalam melakukan pelbagai jenis jenayah. Bagi kajian akan datang, penyelidik mencadangkan supaya persoalan kajian yang lebih spesifik dapat dibuat. Sebagai contoh, membuat persoalan tentang profil jenayah bagi banduan wanita yang melakukan jenayah kekerasan. Hal ini adalah kerana profil banduan wanita yang melakukan jenayah kekerasan kemungkinan mempunyai perbezaan dengan profil banduan wanita yang melakukan jenayah lain seperti jenayah komersial. Ini turut dapat dibuktikan daripada kajian ini yang telah menghasilkan dapatan di mana bagi setiap jenayah yang berbeza, motif jenayah mereka adalah amat berbeza. Dengan membuat persoalan kajian yang lebih spesifik, bukan sahaja profil umum dapat dikaji malah perbezaan profil wanita yang melakukan jenayah yang berbeza juga dapat dikaji dengan lebih mendalam. Seterusnya, ia akan dapat menambah pengetahuan yang telah tersedia ada dan dapat menyumbang kepada pihak yang berkenaan untuk kebaikan bersama.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektifnya untuk meneroka profil jenayah banduan wanita di Malaysia. Hasil dapatan kajian tentang profil jenayah banduan wanita telah menunjukkan bahawa mereka terlibat dalam empat jenis kesalahan jenayah iaitu jenayah dadah, jenayah komersial, jenayah kekerasan dan jenayah subahat. Jenayah yang telah dilakukan oleh banduan wanita ini merupakan jenayah kali pertama bagi mereka.

Terdapat motif jenayah yang berbeza bagi setiap jenis jenayah yang berbeza dan jenayah ini dilakukan di lokasi yang tertutup. Sesuatu objek hanya digunakan oleh banduan wanita di dalam jenayah yang melibatkan jenayah kekerasan seperti mendera dan membunuh. Selain itu, jenayah yang dilakukan juga merupakan jenayah bukan perseorangan di mana banduan wanita mempunyai pasangan atau kumpulan yang terlibat sama dalam melakukan jenayah.

RUJUKAN

- Affizal Ahmad & Nurul Hazrina Mazlan. 2014. Stress and depression: A comparison study between men and women inmates in Peninsular Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science* 4(2): 153-160.
- Ahmad Zainol Ismail, Zulkifli A. Manaf, Jamalluddin Hashim & Mohd Sufian Moktar. 2015. Penggunaan teknik Interpretative Phenomenological Analysis dalam penyelidikan bidang Pengajian Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11: 1-11.
- American Psychiatric Association. 2012. DSM-IV and DSM-5 criteria for the personality disorder. http://www.psi.uba.ar/academica/carrerasdegrado/psicologia/sitios_catedras/practicas_profesionales/820_clinica_tr_personalidad_psicosis/material/dsm.pdf. Retrieved on: 19 November 2016.
- Austin, J., Bloom, B. & Donahue, T. 1992. *Female offenders in the community: An analysis of innovative strategies and programs*. Washington: National Institute of Corrections.
- Badrul Kamal Zakaria. 2017. Cemburu disyaki motif wanita bunuh suami. *Berita Harian Online*, 15 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/337628/cemburu-disyaki-motif-wanita-bunuh-suami>. Retrieved on: 17 Januari 2018.
- Barak, G. 2003. *Violence and nonviolence: Pathways to understanding*. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. 2013. *Research design: Qualitative inquiry and research design*. Washington: Sage Publications.
- FBI. 2012. Supplementary homicide report. <https://ucr.fbi.gov/nibrs/addendum-for-submitting-cargo-theft-data/shr>. Retrieved on: 8 August 2017.
- Gavin, H. 2014. *Criminological and Forensic Psychology*. London: Sage Publications.
- Glaser, B. & Strauss, A. 1967. *The discovery of Grounded Theory: Strategies for qualitative research*. New York: Aldine Transaction.
- Grayston, A. D. & De Luca, R. V. 1999. Female perpetrators of child sexual abuse: A review of the clinical and empirical literature. *Aggression and Violent Behavior* 4(1): 93-106.

- Greenfeld, L. A. & Snell, T. L. 1999. *Bureau of Justice Statistics special report: Women offenders*. Washington: United States Department of Justice.
- Herrera, V. M. & McCloskey, L. A. 2003. Sexual abuse, family violence, and female delinquency: Findings from a longitudinal study. *Violence & Victims* 18(3): 319-334.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2016. *Statistik banduan wanita berwarganegara Malaysia di penjara seluruh Malaysia*. Kajang: Jabatan Penjara Malaysia.
- Jordan, B. K., Schlenger, W. E., Fairbank, J. A. & Caddell, J. M. 1996. Prevalence of psychiatric disorders among incarcerated women II: Convicted felons entering prison. *Arch Gen Psychiatry* 53 (6): 513-519.
- Matejkowski, J. C., Cullen, S. W. & Solomon, P. L. 2008. Characteristics of persons with severe mental illness who have been incarcerated for murder. *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 36: 74-86.
- Matthews, R., Mathews, J. & Speltz, K. 1991. *Female sexual offenders: A typology*. Newbury Park: Sage.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2016. Aggression profiles of incarcerated Malaysian male murderers. *Akademika* 86 (2): 137-147.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2017. Psychological markers underlying murder weapon profile: a quantitative study. *Malaysian J Pathol* 39(3): 217-226.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2015. Linking psychological traits with criminal behaviour: A review. *ASEAN Journal of Psychiatry* 16(2): 13-25.
- Moth, B. & Hudson, S. M. 1999. An investigation into the demographic and offence-specific variables, need areas and security classification in incarcerated female offenders in New Zealand. Department of Corrections, Psychological Service, Christchurch.
- Muskens, M., Bogaerts, S., van Casteren, N. & Labrijn, S. 2011. Adult female sexual offending: A comparison between co-offenders and solo offenders in a Dutch sample. *Journal of Sexual Aggression* 17(1): 45-60.
- Norasikin Basir. 2002. *Female Criminality: A Case Study of Women Inmates in Kajang Prison, Selangor, Malaysia*. Malaysia: International Islamic University Malaysia.
- Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad. 2011. Stress as a cause of depression among Female prisoner and its effect towards aggressiveness. Paper presented at the 4th International Conference on Southeast Asia (ICONSEA2011), Faculty of Arts and Social Sciences, University Malaya. 6-7 December.
- Nurul Hidayah Bahaudin. 2017. Tergamak dera macam binatang! *Harian Metro*, 26 Disember. <http://www.hmetro.com.my/utama/2017/12/296973/tergamak-dera-macam-binatang>. Retrieved on: 17 Januari 2018.
- Putkonen, H., Komulainen, E. J., Virkkunen, M., Eronen, M. & Lonnqvist, J. 2003. Risk of repeat offending among violent female offenders with psychotic and personality disorders. *American Journal of Psychiatry* 160(5): 947-951.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rokiah Ismail, Fatimah Yussoff, Rozainee Khairuddin & Lukman Zawawi Mohamad. 2010. Self-esteem and cognitive distortion among women involved in prostitution in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5: 1939-1944.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin. 2016. *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saxena, R. 1994. *Women and Crime in India: A Study in Socio-Cultural Dynamics*. New Delhi: Inter-India Publications.
- Steffensmeier, D. & Allan, E. 1996. Gender and crime: Toward a gendered theory of female offending. *Annual Review of Sociology* 22: 459-487.
- Tsopelas, C., Spyridoula, T. & Athanasios, D. 2011. Review on female sexual offenders: Findings about profile and personality. *International Journal of Law and Psychiatry* 34: 122-126.
- Warren, J. I., Burnette, M., South, S. C., Chauhan, P., Bale, R. & Friend, R. 2002. Personality disorders and violence among female prison inmates. *The Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 30(4): 502-509.
- Zimmer-Gembeck, M. J., Geiger, T. A. & Crick, N. R. 2005. Relational and physical aggression, prosocial behavior and peer relations: Gender moderation and bidirectional associations. *Journal of Early Adolescence* 25: 421-452.
- Siti Nurkhairina Mohd Nor
Psychology and Human Well-Being Research Centre
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Email: 91nrina@ukm.edu.my
- Mohammad Rahim Kamaluddin (coresponding author)
Psychology and Human Well-Being Research Centre
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Email: rahimk@ukm.edu.my

Wan Shahrazad Wan Sulaiman
Psychology and Human Well-Being Research Centre
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Email: shara@ukm.edu.my

Received: 23 April 2018

Accepted: 20 May 2019